

Headline	Misi banteras AIDS Charlize Theron		
MediaTitle	Kosmo		
Date	31 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	115,967
Page No	45	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,539
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,617



# Misi banteras AIDS Charlize Theron

**PRETORIA** - Aktres jelita, Charlize Theron menemui Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma untuk membincangkan usaha meningkatkan kesedaran berhubung penyakit HIV dan AIDS, lapor akhbar *Daily Mail*.

Theron dilahirkan di Afrika Selatan yang merupakan negara ke-25 terbesar di dunia.

Dia yang dilantik sebagai duta program AIDS Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menemui Zuma di sini kelmarin.

Mengulas pertemuan mereka aktres itu berkata, dia percaya generasi tanpa AIDS dapat dicapai di Afrika Selatan di bawah kepimpinan Zuma.

Zuma yang dipilih sebagai Presiden Afrika Selatan pada

2009 turut memuji Theron, 37, kerana kegigihannya dalam meningkatkan kesedaran warga dunia tentang bahaya AIDS.

"Hari ini hari istimewa kerana anak jati Afrika Selatan menyertai kita. Kami percaya dengan mendidik golongan muda kita akan dapat menghalang penularan penyakit ini.

"Inilah yang Charlize lakukan. Kami percaya kejayaan usaha Charlize, Afrika Selatan akan memberi impak yang besar di benua ini," kata Zuma.

Menurut laporan terbaharu agensi PBB, lebih lapan juta ujian HIV telah dijalankan di benua Afrika setakat tahun lalu manakala bilangan jangkitan virus maut itu menurun sebanyak 12 peratus. - Agensi



AP  
PRESIDEN Afrika Selatan, Jacob Zuma (kiri) berjabat tangan dengan aktres Charlize Theron di Bangunan Kesatuan di Pretoria kelmarin.